



19 Disember 2012
19 December 2012
P.U. (A) 451

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN)
(NO. 11) 2012

INCOME TAX (EXEMPTION)(NO. 11) ORDER 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 11) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No. 11) 2012.**

(2) Perintah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2013 hingga tahun taksiran 2015.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“pelancongan domestik” ertinya suatu pakej pelancongan bagi perjalanan dalam Malaysia yang dilakukan oleh pelancong tempatan termasuk pengangkutan melalui udara, darat atau laut dan penginapan;

“pelancong tempatan” ertinya individu yang merupakan warganegara Malaysia atau yang bermastautin di Malaysia;

“perniagaan pengendalian pelancongan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 2(1) Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*].

Pengecualian

3. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), Menteri mengecualikan suatu syarikat yang bermastautin di Malaysia yang dilesenkan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 untuk menjalankan suatu perniagaan pengendalian pelancongan daripada pembayaran cukai berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada pelancongan domestik.